

**JILID 1**  
*ISU 2*

# **INTEGRITI & TANGGUNGJAWAB**

**SEPT 2022**

**BULETIN INTEGRITI  
& GOVERNANS  
KOOP SAHABAT**

## Faktor Yang Boleh Menjejaskan Integriti<sup>1</sup>

Terdapat beberapa faktor yang mampu menyumbang kepada kemerosotan integriti diri dan juga organisasi. Semua faktor tersebut perlu ditangani secara menyeluruh dan haruslah bermula dengan diri sendiri. Antara faktor-faktor tersebut adalah;

### 1) Kelemahan individu

- Integriti tidak menjadi budaya
- Lemah pertahanan diri
- Kurang penghayatan nilai-nilai murni
- Etika kerja yang lemah
- Sifat tamak
- Tidak muhasabah kelemahan sendiri
- Tekanan hidup
- Suka mengambil peluang
- Suka mengejar kemewahan
- Cara hidup yang suka berpoya-poya

### 2) Kepimpinan yang tidak baik

- Kepimpinan tidak memberi teladan yang baik
- Kepimpinan tidak menitik berat integriti
- Arahan pimpinan yang melanggar prosedur dan peraturan
- 'Cakap tak serupa bikin'

### 3) Kelemahan sistem prosedur

- Amalan, sistem dan prosedur yang lemah dan membuka ruang kepada rasuah dan penyelewengan
- Peraturan yang lapuk dan tidak sesuai lagi dilaksanakan
- Kurang ketelusan dalam sesuatu proses
- Kurang penguatkuasaan atau penguatkuasaan secara terpilih
- Kurang pemantauan dan penilaian
- Keupayaan sumber manusia dan material yang terhad

### 4) Budaya tidak sihat

- Budaya masyarakat yang kurang menitikberatkan integrity
- Takut membuat laporan kerana bimbang tindakan balas
- Sikap tidak ambil peduli
- Budaya 'angguk' dan 'mengampu' di pejabat

### 5) Struktur dan Institusi

- Struktur organisasi tidak kemas, lapuk dan tidak sesuai dengan peredaran masa
- Matlamat organisasi yang tidak jelas dan tidak munasabah
- Pertindihan skop, tugas dan tanggungjawab antara institusi
- Tiada koordinasi antara organisasi
- Pertentangan matlamat antara institusi

Rujukan: *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | Kursus Integriti dan Rasuah, Institut Pengajian Tinggi*

<sup>1</sup> [https://www.sprm.gov.my/admin/uploads\\_publication/buku-kursus-integriti-dan-rasuah-ipt--my-06012021.pdf](https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/buku-kursus-integriti-dan-rasuah-ipt--my-06012021.pdf)

## Tanggungjawab Seorang Ketua Jabatan & Penyelia<sup>2</sup>

Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi apa-apa pelanggaran peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya, atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan, peraturan-peraturan ini hendaklah disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.



**Tidak menyelia kerja-kerja kakitangan dibawah seliaan dengan sewajarnya**



**Gagal membuat penetapan berkaitan tugas kakitangan**



**Lambat melaporkan salah laku kakitangan kepada pihak yang bertanggungjawab**



**Gagal menguruskan isu tatakelakuan kakitangan dibawah seliaan**



**Tidak membuat pemantauan kehadiran kakitangan di pejabat / organisasi**

*\*\*Pelanggaran tatakelakuan adalah tidak terikat dengan contoh yang dinyatakan sahaja*

Rujukan: *Unit Integriti & Ombudsman | Universiti Kebangsaan Malaysia*

**Disediakan oleh;**  
Jabatan Pengurusan Pelan Strategik (JPPS)

<sup>2</sup> [https://www.ukm.my/integriti/wp-content/uploads/2022/06/Info\\_Integriti\\_Siri4\\_2022.pdf](https://www.ukm.my/integriti/wp-content/uploads/2022/06/Info_Integriti_Siri4_2022.pdf)